



# SPECTRUM

MSAE

ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN



## SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 03/2018

### AGRI TECH ENGINEERING INNOVATION (ATEI 2018)

MSAE telah dijemput untuk menyertai pameran teknologi pertanian dan makanan dalam Program *AGRI TECH ENGINEERING INNOVATION* (ATEI 2018) anjuran Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Serdang, Selangor pada 23-24 Julai 2018. ATEI 2018 telah dirasmikan oleh YB Menteri Pertanian & Industri Asas Tani iaitu Dato' Salahuddin Ayub. YB Menteri turut mengadakan lawatan ke Pameran dan Demonstrasi Mesin Inovasi dari semua pempamer yang terdiri dari agensi dan syarikat swasta.



Gambar 1: Pendaftaran keahlian baru di booth MSAE



Gambar 2: Presiden MSAE telah menerima Sijil Rakan Strategik Jabatan Pertanian dalam Kejuruteraan Pertanian dari YB Dato' Salahuddin Ayub

### LAWATAN TEKNIKAL MSAE KE JICA (Japan International Cooperation Agency), HOKKAIDO

Pada 30 Julai 2018, Presiden MSAE iaitu Prof Madya Dr Rosnah Shamsudin dan Naib Presiden MSAE iaitu Prof. Madya Dr Hasfalina Che Man telah mengadakan kunjungan ke JICA Hokkaido untuk meninjau tentang aktiviti kerjasama yang dapat dijalankan bersama MSAE. Hasil perbincangan, pihak JICA sudi membantu MSAE sebagai perantaraan jika MSAE memerlukan maklumat agensi-agensi atau syarikat-syarikat yang dikehendaki. JICA Hokkaido juga ada menyediakan penginapan pada kadar sewa yang berpatutan berserta makanan halal.



Gambar 3: Presiden dan Naib Presiden MSAE bersama pegawai JICA Hokkaido



Gambar 4: Lawatan teknikal industri oleh MSAE bersama delegasi UPM

## KUNJUNGAN MSAE KE SEKOLAH SISWAZAH PERTANIAN DAN SUMBER MAKANAN GLOBAL, UNIVERSITI HOKKAIDO

Pada 1 Ogos 2018, Presiden MSAE iaitu Prof Madya Dr Rosnah Shamsudin dan Naib Presiden MSAE iaitu Prof. Madya Dr Hasfalina Che Man telah mengadakan kunjungan ke Sekolah Siswazah Pertanian Dan Sumber Makanan Global, Universiti Hokkaido bersama delegasi dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM. Mesyuarat bersama Timbalan Dekan iaitu Prof. Dr. Takanori Nishimura dan pensyarah jabatan telah diadakan.

Dalam mesyuarat ini, pihak Universiti Hokkaido telah mengadakan pembentangan bertajuk "*Agriculture in Hokkaido*" oleh Dr Yoko Saito dan "*Impact of Free Trade Agreement in Japanese Agriculture*" oleh Dr. Daisuke Sawauchi. Prof. Dr. Shuso Kawamura juga telah memberikan penerangan tentang fasiliti yang terdapat di Makmal *Agricultural and Food Process Engineering*.



Gambar 5 : Mesyuarat delegasi bersama pensyarah Graduate School of Agriculture and Graduate School of Global Food Resources, Hokkaido University



Gambar 6: Presiden MSAE telah menyerahkan cenderahati MSAE kepada Timbalan Dekan iaitu Prof. Dr. Takanori Nishimura

## KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MANTAN PRESIDEN JSAM (JAPANESE SOCIETY OF AGRICULTURAL MACHINERY AND FOOD ENGINEERS)

Presiden MSAE iaitu Prof Madya Dr Rosnah Shamsudin dan Naib Presiden MSAE iaitu Prof. Madya Dr Hasfalina Che Man telah mengadakan kunjungan hormat kepada Prof. Dr. Shuso Kawamura iaitu Mantan Presiden JSAM di Fakulti Penyelidikan Pertanian, Hokkaido Universiti pada 1 Ogos 2018. Hasil pertemuan ini telah diaturkan oleh Prof. Dr. Naoshi Kundo iaitu Presiden JSAM yang merupakan Profesor di Kyoto Universiti. Diantara perkara dibincangkan ialah tentang kerjasama dua hala diantara MSAE dan JSAM. Juga tentang jemputan MSAE sebagai tuan rumah ISMAB 2022 nanti.

Kami juga turut melawat sekitar kawasan di Universiti Hokkaido yang merupakan universiti tertua yang menawarkan program pertanian.



Gambar 7: Penghargaan dari MSAE kepada Prof. Dr. Shuso Kawamura iaitu Mantan Presiden JSAM



Gambar 8: Lawatan teknikal ke Kilang Memproses Susu lembu terbesar di Jepun iaitu Yotsuba Tokachi Factory, Hokkaido, Jepun.